

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

Kursus Diploma Teknologi Makmal

DTM 101/3 - Peralatan dan Pengukuran Asas

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab ENAM soalan sahaja.  
Dua soalan dari Bahagian A dan Empat soalan dari Bahagian B.  
Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A

(Jawab DUA soalan sahaja)

1. (a) Sebelum anda mengambil bacaan pH dari meter pH nyatakan bagaimana anda mempiawaikan bacaan meter pH tersebut.

(15 markah)

- (b) Lakarkan kelok perubahan pH yang akan diperolehi apabila suatu larutan bes kuat ditambahkan kepada suatu larutan asid lemah. Apakah zat penunjuk yang sesuai untuk pentitratan ini?

(15 markah)

- (c) Kira nilai pH bagi larutan yang berikut:

- (i) Suatu pentitratan yang melibatkan 0.1 M NaOH (20 ml) dengan 0.5 M HCl.

(10 markah)

- (ii) 10 liter 0.05 M Barium hidroksida.

(10 markah)

- (d) Berikan hubungan di antara keserapan A, kehantaran T dan pemalar kedayaserapan molar,  $\epsilon$ . Apakah unit yang sering digunakan untuk  $\epsilon$ ?

(15 markah)

...2/-

- (e) Apakah 2 langkah pengawasan yang anda patut buat semasa menggunakan peralatan spektrofotometer bagi mendapat bacaan yang jitu?  
 (20 markah)
- (f) Satu sampel di dalam sel berukuran 1 cm didapati menghantar 70% cahaya pada suatu panjang gelombang. Jika pemalar kedayaserapan pada panjang gelombang ini ialah  $2.0 \text{ cm}^{-1} \text{ g}^{-1}$ . Apakah kepekatan sampel ini?  
 (15 markah)
2. (a) Beri 3 cara untuk memelihara radas-radas kaca volumetrik.  
 (15 markah)
- (b) Berikan 3 ciri suatu sebatian supaya ianya dapat dipilih sebagai zat piawai primer.  
 (15 markah)
- (c) Berikan satu contoh piawai primer yang telah anda pelajari. Tuliskan contoh persamaan yang terlibat apabila zat piawai primer ini ditindakbalaskan dengan bahan piawai sekunder yang anda pelajari.  
 (20 markah)
- (d) Terangkan secara ringkas cara menyediakan larutan berikut:
- (i) 2.0 liter, 250 ppm ion klorida  $\text{Cl}^-$  dari garam aluminium klorida.  
 $(\text{Al} = 27.0 \quad \text{Cl} = 35.5)$   
 (20 markah)
- (ii) 5 liter asid sulfurik 1.0 M dari sebotol asid sulfurik yang dilabelkan seperti berikut:  
 $\text{Ketumpatan} = 1.88 \text{ g cm}^{-3}$   
 $\text{Kepekatan} = 98\% \text{ berat/berat } \text{H}_2\text{SO}_4$   
 $\text{Jisim molekul relatif bagi } \text{H}_2\text{SO}_4 = 98.00$   
 (20 markah)
- (iii) 10 liter larutan  $\text{K}_2\text{Cr}_2\text{O}_7$  berkepekatan 0.50 M.  
 $(\text{K} = 39.1 \quad \text{Cr} = 52.0 \quad \text{O} = 16.00)$   
 (10 markah)


...3/-

3. (a) Berikan dua faktor yang mempengaruhi kekonduksian elektrolit.
- (15 markah)
- (b) Apakah hubungan di antara konduksian  $G$  suatu elektrolit dengan luas elektrodnya  $A$  dan jaraknya,  $\ell$ .
- (10 markah)
- (c) Kira konduksian spesifik larutan kalium klorida akueus jika  $8.0 \times 10^{-3}$  M kalium klorida dalam suatu sel kekonduksian memberikan rintangan 2000 ohm pada suhu  $25^\circ\text{C}$ .  
 [Diberikan: Larutan 0.0100 M kalium klorida memberikan rintangan 800 ohm (pada suhu  $25^\circ\text{C}$ ) apabila larutan ini diisikan dalam sel yang sama. Konduksian spesifik bagi  $\text{KCl}$  0.0100 M ialah  $0.001409 \text{ s cm}^{-1}$  pada  $25^\circ\text{C}$ ].
- (25 markah)
- (d) Pada  $25^\circ\text{C}$ , nilai pH bagi jus limau nipis ialah 3.65. Kira
- (i) kemolaran bagi ion  $\text{H}_3\text{O}^+$
  - (ii) kemolaran bagi ion  $\text{OH}^-$
- (25 markah)
- (e) (i) Tuliskan persamaan larutan tampan.
- (5 markah)
- (ii) 9.5 g kalium etanoat dicampurkan dengan  $250 \text{ cm}^3$  0.4 M asid etanoik. Kira nilai pH bagi larutan tampan tersebut.  
 ( $\text{Ka} = 1.8 \times 10^{-5} \text{ mol dm}^{-3}$  pada  $25^\circ\text{C}$ )  
 ( $\text{K} = 39$        $\text{C} = 12$        $\text{H} = 1$        $\text{O} = 16$ )
- (20 markah)

...4/-

Bahagian B( Jawab MANA-MANA EMPAT soalan sahaja)

4. (a)

Gambarajah 1

Dalam Gambarajah 1 di atas, jika voltan turunan pada  $R_5$  ialah 5V, cari nilai:

- (i)  $R_3$
- (ii) voltan turunan pada  $R_3$
- (iii) arus melalui  $R_2$
- (iv) kuasa yang dilesapkan pada  $R_4$
- (v) jumlah arus  $I_J$  melalui litar.

(40 markah)

(b) Berikan kod warna bagi perintang-perintang berikut:


- (i)  $120\Omega$  20%
- (ii)  $4.7 M\Omega$  5%
- (iii)  $2.2\Omega$  2%
- (iv)  $68 k\Omega$  10%

(20 markah)

...5/-


(c) Carikan nilai setara komponen-komponen di antara titik A dan B di Gambarajah-gambarajah 2, 3, 4 dan 5.

(i)




Gambarajah 2

(ii)




Gambarajah 3

(iii)



Gambarajah 4

Gambarajah 5

(40 markah)

5. (a) Terangkan fungsi komponen-komponen berikut.  
Gunakan lukisan dalam penjelasan anda.

- (i) Rektifier terkawal silikon (SCR)
- (ii) Diod terowong
- (iii) Rektifier tertimbang (bridge rectifier)
- (iv) Transistor PNP
- (v) Transformer menaik

(40 markah)

- (b) Berikan formula dan unit untuk:

- (i) reaktans kapasitor
- (ii) reaktans induktor
- (iii) impedans

Cari nilai reaktans bagi sebuah induktor bernilai  $50\text{ mH}$  pada frekuensi  $10\text{ kHz}$ .

Berapakah jumlah nilai impedansnya jika disambung bersiri dengan perintang  $1\text{ k}\Omega$  pada frekuensi yang sama?

(35 markah)

- (c) Sebuah perintang bernilai  $1.2\text{ M}\Omega$  disambung bersiri dengan kapasitor  $2.5\text{ }\mu\text{F}$ . Carikan:

- (i) nilai pemalar masa untuk litar tersebut.
- (ii) peratus nilai voltan pada kapasitor selepas satu pemalar masa.
- (iii) kapasitor yang diperlukan untuk mendapat pemalar masa sebanyak  $240\text{ ms}$  dengan perintang yang sama.

(25 markah)

...7/-

6. (a) Dengan lukisan yang sesuai terangkan operasi tatarajah-tatarajah transistor jenis NPN seperti yang tersebut di bawah.

Tandakan terminal-terminal untuk bekalan kuasa, input dan output.

- (i) Tatarajah pengeluar sepunya.
- (ii) Tatarajah pengumpul sepunya.

(30 markah)

- (b) Terangkan makna-makna berikut mengenai transistor.

- (i)  $\alpha$
- (ii)  $\beta$
- (iii)  $I_C$
- (iv)  $V_{EBO}$

Sebuah litar amplifier transistor mempunyai ciri-ciri berikut:

$$I_C = 9.7 \text{ mA}$$

$$I_E = 10 \text{ mA}$$

Cari nilai  $\alpha$  dan  $\beta$  untuk amplifier tersebut.

(30 markah)

- (c) Jelaskan bagaimana komponen-komponen yang berikut dapat diuji dengan multimeter. Nyatakan julat-julat yang diguna dan bacaan yang dijangka.

- (i) Diod simpang
- (ii) Kapasitor elektrolitik  $16 \mu\text{F}$
- (iii) Diod Zener
- (iv) Sel kering  $4.5\text{V}$
- (v) Fius 3 Ampere.

(40 markah)

7. (a) Lukiskan gambarajah blok osiloskop dan terangkan fungsi bahagian-bahagian blok tersebut.

(35 markah)

(b) Terangkan kegunaan alat elektronik yang berikut:

- (i) Osciloskop
- (ii) Osilator
- (iii) Bekalan kuasa boleh ubah
- (iv) Voltmeter digital
- (v) Ammeter digital

(25 markah)

(c) Sebuah transformer menurunkan voltan dari 230V ke 12V. Kira nilai voltan:

- (i) puncak ke puncak
- (ii) puncak pada gelung primer dan sekunder.

(25 markah)

(d) Apakah langkah-langkah yang harus diambil semasa mengukur voltan A.T. dengan menggunakan Voltmeter?

(15 markah)

8. (a) (i) Tukarkan nombor-nombor di bawah ini kepada Binari:

- (a)  $46_{16}$
- (b)  $27_{16}$

(ii) Tukarkan nombor-nombor di bawah ini kepada Heksadesimal:

- (a)  $1111011_2$
- (b)  $11010011_2$

(iii) Tukarkan nombor-nombor di bawah ini kepada desimal:

- (a)  $1101_2$
- (b)  $11011_2$




(iv) Tukarkan nombor-nombor di bawah ini kepada Binari:

- (a)  $27_{10}$
- (b)  $14_{10}$

(20 markah)

...9/-

- (b) Nyatakan persamaan Boole dan jadual benar untuk rangkaian pintu logik yang berikut:



(20 markah)





- (c) Lukiskan gambarajah pintu logik daripada persamaan Boole berikut:

- (i)  $A+B \cdot A+B+C = Q$
- (ii)  $\bar{A} \cdot B + A \cdot \bar{B} = Q$
- (iii)  $\bar{A} + BC = Q$
- (iv)  $\bar{A} \cdot B \cdot \bar{C} = Q$

(40 markah)

...10/-

(d) Tuliskan persamaan Boole untuk rangkaian pintu logik yang berikut:



(20 markah)